



12 SEP, 2026

Pelaburan grid RM43b pacu prospek utiliti, pembinaan

Berita Harian, Malaysia



Pelaburan grid RM43b pacu prospek utiliti, pembinaan

Perbelanjaan besar mampu tawar prospek pendapatan lebih stabil

Oleh Alzahrin Alias
 zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaburan RM43 bilion untuk pembangunan grid elektrik negara sehingga 2027 dijangka menjadi antara taruhan utama pasaran saham tempatan, dengan sektor utiliti dan pembinaan berpotensi menikmati aliran pendapatan yang lebih jelas hingga hujung tahun.

Ketika pasaran berdepan ketidakpastian aliran dana asing, perbelanjaan besar bagi menaik taraf grid nasional dilihat menawarkan prospek pendapatan lebih stabil kerana projek berkenaan disokong komitmen pelaburan jangka panjang sehingga 2030.

Ketua Penyelidikan Rakuten Trade, Kenny Yee, berkata atas asas itu, pihaknya mengekalkan

unjuran akhir 2026 Indeks FBM KLCI pada 1,770 mata, walaupun pelabur asing merekodkan jualan bersih sekitar RM2 bilion pada Ogos.

Beliau berkata, pihaknya melihat utiliti dan sektor berkaitan grid sebagai pemacu lebih meyakinkan berbanding sentimen semikonduktor menjelang Belanjawan 2027.

Katanya, pasaran ketika ini banyak disokong dana domestik yang lebih menumpukan kepada syarikat mempunyai keterlihatan pendapatan berbanding bergantung kepada pengumuman atau sentimen jangka pendek.

"Pasaran sedang disokong oleh wang domestik yang sebahagian besarnya mengikuti keterlihatan pendapatan berbanding pengumuman.

"Kami mengekalkan sasaran 1,770 mata kerana musim keputusan kewangan terkini menunjukkan pertumbuhan masih kukuh, dengan utiliti menjadi antara penyumbang dan sektor ini berada dalam grid, bukannya kitaran cip," katanya dalam satu kenyataan.

FBM KLCI didagangkan dalam julat sekitar 1,700 hingga 1,740 mata sejak akhir Ogos sebelum susut di bawah paras 1,710 mata



pada minggu pertama September.

Rakuten Trade Research mendapati pelabur asing kembali menjadi penjual bersih sekitar RM2 bilion pada Ogos, berbeza dengan trend pembelian yang dicatatkan pada Julai. Sebaliknya, pelabur runcit tempatan kekal sebagai pembeli bersih untuk bulan keempat berturut-turut.

Yee berkata, program perbelanjaan modal (capex) grid Tenaga Nasional Bhd (TNB) meningkat kepada RM43 bilion bagi tempoh 2025 hingga 2027 berbanding RM21 bilion yang dibelanjakan sepanjang 2022 hingga 2024.

Dijangka terus berkembang

Pelaburan itu, katanya, dijangka terus berkembang sehingga 2030 bagi menaik taraf grid nasional

untuk menyokong tenaga boleh baharu, penyimpanan bateri serta peningkatan permintaan elektrik termasuk daripada industri pusat data.

Beliau menjelaskan, peluang pelaburan juga tidak terhad kepada syarikat tenaga boleh baharu tradisional, sebaliknya turut meliputi pengembangan grid seperti sistem penghantaran, pencawang elektrik, sistem elektrik dan kerja kejuruteraan berkaitan.

Yee berkata, Belanjawan 2027 yang akan dibentangkan pada 9 Oktober pula menjadi ujian penting terhadap prospek berkenaan.

Pihaknya menjangkakan belanjawan itu mengesahkan pelaksanaan perbelanjaan berkaitan peralihan tenaga yang dirancang tanpa penangguhan ketara.